

Talentcorp Boot Camp Tingkat Kebolehpasaran Graduan



Kuantan, 11 Mei – Lebih 200 peserta yang terdiri dari pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai TalentCorp Boot Camp yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini sempena Karnival Kerjaya UMP 2016 bertempat di Dewan UMP Holdings.

Menurut Penolong Naib Canselor (Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat) Prof. Dr. Zulkefli Yaacob berkata program TalentCorp Boot Camp ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan mencari bakat berpotensi.

“Pelajar berpeluang mendapatkan input-input baru mengenai kehendak industri di samping meningkatkan komunikasi dan kemahiran insaniah melalui siri aktiviti yang disediakan dalam bootcamp ini,” katanya.

Dalam program ini pelajar didedahkan dengan pengetahuan dan berkongsi pengalaman mereka berdepan dengan dengan menggalakkan pelajar memberi tumpuan terhadap membina kemahiran teknikal.



Pihaknya amat berbangga dengan sambutan dan komitmen pelajar yang amat menggalakkan dalam menyertai setiap aktiviti yang dijalankan. Antaranya seperti Grooming Etiquette, Talent Matching, Cover Letter & CV Review, penyelesaian masalah di tempat kerja dan cara menjawab soalan semasa sesi temuduga serta banyak lagi.

Sementara itu, Pengarah Pusat Pembangunan dan Penempatan Kerjaya, Dato Jeffrey Khor Chooi Beng merangkap Pengarah Program University To Industries Career Fair 2016 berkata, program dimulakan dengan pembahagian peserta mengikut kumpulan bagi memudahkan perlaksanaan program sebanyak tujuh modul yang telah disediakan oleh pihak Talentcorp. Hadir mengendalikan program adalah Ketua Unit Program Latihan Talentcorp, Selvan Adinarayanan.



Sempena Karnival Kerjaya yang bakal berlangsung mulai Jumaat ini, peserta akan menjalani sesi temuduga serta ditawarkan pekerjaan dengan syarikat berkennaan. Selain Talentcorp Malaysia Sdn Bhd beberapa syarikat lain turut serta seperti Sirim, Polyplastics Asia Pacific Sdn Bhd, Infineon Technologies (M) Sdn Bhd, UMP Advanced Education, Motorola Solutions (M) Sdn Bhd, Muehlbaeur Technologies Sdn Bhd dan Great Eastern Life Assurance (M) Sdn.Bhd.

Peserta program, Muhammad Aiqal Shukri Abu Bakar, 23 yang kini menuntut dalam tahun akhir program Ijazah Kejuruteraan Kimia melahirkan rasa bersyukur dapat menghadiri sesi ini sebagai persediaan melangkah ke alam pekerjaan. Katanya, banyak memberi input dan tips menarik kepada peserta seperti pemakaian baju yang sesuai semasa temuduga dan cara menjawab soalan dengan lebih yakin.

Lebih 5000 jawatan kosong ditawarkan pada Karnival Kerjaya Universiti Malaysia Pahang (UMP) 2016 yang bakal berlangsung selama dua hari bermula 13 dan 14 Mei ini bertempat di Dewan Astaka, UMP Gambang. Program selama dua hari itu melibatkan 40 syarikat yang menyediakan peluang pekerjaan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir dalam sektor masing-masing.



Berita disediakan oleh Nor Salwana Mohd. Idris dari Bahagian Komunikasi Korporat.

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 12-05-2016, 14:09:33